

12/07/2002

DRB-Hicom sedia hadapi saingan Afta

KUMPULAN DRB-Hicom Bhd (DRB-Hicom) yang terbabit dalam industri berat dan automotif negara ini sudah bersedia menghadapi saingan pasaran terbuka Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Kumpulan itu sudah mengambil pelbagai langkah perlu termasuk mengukuhkan kedudukannya sejak beberapa tahun lalu sebagai persiapan menghadapi pasaran perdagangan bebas itu.

Pengerusi DRB-Hicom, Tan Sri Mohd Saleh Sulong, berkata berdasarkan perkembangan semasa, pembukaan pasaran automotif mengikut Afta akan bermula pada 2005.

"Menyedari pentingnya syarikat automotif Malaysia berada dalam kedudukan terbaik untuk bersaing dalam Afta, mendorong DRB-Hicom membuat persediaan awal.

"Kita memang mengambil pelbagai langkah menghadapi Afta sejak beberapa tahun lalu dan kini DRB-Hicom sudah bersedia memasuki pasaran perdagangan bebas itu.

"Kalau kita membuat perkiraan, sudah jelas pembukaan pasaran automotif mengikut Afta tidak akan ditangguhkan lagi selepas tamat tempoh lanjutan pada 2005.

"Ini bermakna, DRB-Hicom mesti bersedia, kalau tidak susah kita," katanya selepas merasmikan Konvokesyen Politeknik Kota Bharu kali ke-15, di Kok Lanas, dekat Kota Bharu, baru-baru ini.

Malaysia sebelum ini meminta pembukaan pasaran bagi produk automotif mengikut Afta ditangguhkan sehingga 2005 bagi membolehkan industri tempatan benar-benar bersedia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membuat lawatan rasmi ke Thailand minggu lalu mengulangi jaminan Malaysia akan membuka sektor automotifnya pada tahun itu.

Mohd Saleh berkata, penangguhan itu sebenarnya bertujuan memberi `tempoh bertenang' untuk industri automotif memasuki Skim Keutamaan Berkesan Sama rata (CEPT).

Mengenai produk baru yang akan diperkenalkan oleh kumpulan DRB-Hicom menjelang pelaksanaan Afta bagi sektor automotif, beliau berkata, rancangan itu memang ada.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu sehingga DRB-Hicom sudah benar-benar bersedia dan pada masa yang sesuai kelak.

Ditanya bagaimana peralihan kuasa yang diumumkan Perdana Menteri kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam tempoh 16 bulan lagi boleh memberi kesan kepada ekonomi dan pelaburan asing, Mohd Saleh berkata, ia mampu memberi keyakinan kepada pelabur serta pertumbuhan ekonomi negara.

"Kita sebenarnya berasa sedih apabila Perdana Menteri membuat keputusan untuk bersara walaupun dalam masa 16 bulan lagi," katanya.